

Penilaian MUAT tingkatkan penguasaan bahasa Arab

SEREMBAN 6 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bercadang untuk mempelopori pembinaan satu modul ujian penguasaan bahasa Arab bagi bukan penutur jati yang diiktiraf diperingkat antarabangsa.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM, Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani menjelaskan, menerusi modul itu nanti pencapaian sebenar para pelajar dalam menguasai bahasa Arab dapat dikenal pasti dengan lebih jelas.

Tambahnya, secara tidak langsung dapat mengukur keberkesanan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab yang dipelajari di peringkat menengah.

"Justeru itu, USIM ingin menjadi peneraju kepada usaha untuk mewujudkan satu sistem ujian bahasa Arab yang diiktiraf antarabangsa. Kita mencadangkan nama

ujian ini sebagai *Malaysian University Arabic Test* (MUAT).

"Untuk permulaan bagi merealisasikan idea MUAT ini, kita diperingkat USIM telah mula diperkenalkan pada tahun ini Ujian Kompetensi Bahasa Arab (Imtihan Kafaah Lughatul Arabiyyah) atau singkatannya IKLA," katanya di sini hari ini.

Jelas beliau, seramai 1,915 pelajar baharu sarjana muda sesi akademik 2015/2016 yang mendaftar semalam menjadi kumpulan surlung menduduki IKLA.

Ujarnya, modul ujian yang dihasilkan oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama meliputi aspek pemahaman, nahu (*syntax*), sarf (*morphology*), mufradat (kosa kata) dan uslub (gaya bahasa).

"Bagi penilaian kompetensi bahasa Inggeris di peringkat nasional, kerajaan telah memperkenalkan *Malaysian University Eng-*

lish Test (MUET) manakala pelajar sekolah aliran agama, kompetensi penguasaan bahasa Arab belum dapat disetarakan.

"Saringan awal yang inklusif seperti ini terhadap penguasaan bahasa Arab amat penting bagi mengukur tahap kompetensi sebenar pelajar dalam penguasaan bahasa itu dengan penilaian yang diberikan ialah biasa, sederhana dan cemerlang," katanya.

Namun begitu katanya, rangka tindakan ke arah penghasilan MUAT ini memerlukan masa yang panjang kerana ia sesuatu yang baharu dalam penilaian bahasa Arab diperingkat antarabangsa.

Zulkiple menjelaskan menerusi MUAT, ia secara tidak langsung memberi kemudahan kepada para pelajar Malaysia yang ingin melanjutkan pengajian ke universiti di Asia Barat.